

# 9

## Penutup

### PENUTUP

Perkembangan sumber maklumat elektronik merupakan cabaran baru kepada Perpustakaan Akademik di Malaysia dalam era digital. Kita berhadapan dengan pelbagai polisi akses, polisi penerbit, model perolehan, lesen perjanjian, hak serta limitasi akses dan pelbagai isu yang perlu ditangani dengan berkesan. Peralihan daripada sistem naskhah bercetak kepada perpustakaan digital turut memberi kesan terhadap peranan Perpustakaan Akademik. Dalam persekitaran elektronik, kita seakan menyewakan kandungan bahan dan menawarkan akses kepada pengguna dengan status pemilikan yang semakin samar.

Kita juga berhadapan dengan peningkatan kos langganan tahunan yang menuntut pertambahan bajet perolehan. Keadaan ini membawa kepada kecenderungan perpustakaan untuk memperbaharui langganan kepada sumber elektronik dengan menggunakan

peruntukan perolehan bahan bercetak. Keputusan perolehan kepada lebih banyak sumber elektronik juga dipengaruhi oleh tuntutan pengguna yang semakin selesa dengan ciri-ciri mesra pelanggan yang ditawarkan oleh perkhidmatan maklumat elektronik. Senario ini meningkatkan kepentingan untuk menguasai kompetensi dalam pengurusan dan penawaran sumber maklumat elektronik bagi mencapai keberkesanan kos.

Model ekonomi, pengurusan kualiti dan orientasi perniagaan juga kini perlu difahami oleh para pustakawan dalam memastikan pencapaian keberkesanan kos penawaran sumber, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Para pustakawan kini perlu memahami pelbagai alatan pengukuran prestasi sumber maklumat elektronik bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai tahap penerimaan dan penggunaan sumber berkenaan di kalangan warga Universiti. Pelbagai kaedah pengukuran prestasi telah dicadangkan oleh gerak kerja dan piawaian di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, perpustakaan akademik di Malaysia perlu memilih, menilai dan mencadangkan kaedah penilaian prestasi yang paling berkesan dalam persekitaran perpustakaan akademik di Malaysia. Keseragaman dalam aspek pengukuran prestasi akan membantu memberikan gambaran terbaik mengenai aliran (*trend*) sumber maklumat elektronik di Malaysia. Hasilnya, ini dapat membantu proses membuat keputusan dalam perolehan sumber maklumat elektronik pada peringkat konsortium.

Capaian kepada sumber maklumat elektronik merupakan agenda utama bagi memastikan penerusan peranan perpustakaan dalam proses penawaran dan penyediaan akses kepada sumber maklumat. Kaedah berkesan untuk mempersempah sumber maklumat elektronik perlu dilaksanakan sama ada melalui laman web, portal institusi, katalog atas talian atau perolehan alatan pengurusan sumber maklumat elektronik. Laman web yang mesra pelanggan juga perlu menyediakan maklumat lengkap mengenai